



Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi

**Ujaran Implisit dan Akal Budi dalam Filem P. Ramlee: Analisis
Semantik Inkuisitif**

Nur Ezatull Fadtehah Binti Hedel

**Sarjana Sastera
2024**

Ujaran Implisit dan Akal Budi dalam Filem P. Ramlee: Analisis Semantik
Inkuisitif

Nur Ezatull Fadtehah Binti Hedel

Tesis ini dikemukakan

Bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sastera

(Semantik)

Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2024

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa kerja-kerja di dalam tesis ini telah diselaraskan dengan peraturan-peraturan Universiti Malaysia Sarawak, dan tesis ini adalah asli. Tesis ini tidak pernah diterima untuk sebarang ijazah dan tidak dikemukakan secara serentak bagi sebarang pencalonan ijazah lain.

..... **Fadtehah**

Tandatangan

Nama: Nur Ezatull Fadtehah Binti Hedel

No. Matrik: 21020058

Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi

Universiti Malaysia Sarawak

Tarikh: 31 Mei 2024

PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala (SWT) Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani kerana dengan berkat dan izin-Nya tesis yang bertajuk “Ujaran Implisit dan Akal Budi dalam Filem P. Ramlee: Analisis Semantik Inkuisitif” ini dapat disiapkan dengan jayanya tanpa sebarang kerumitan dan permasalahan yang besar. Setinggi-tinggi penghargaan kepada tajaan Biasiswa Unimas Prihatin yang telah memberikan sepenuh kepercayaan dan peluang kepada saya untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana ini.

Sekalung penghargaan juga kepada kedua ibu bapa saya iaitu Hedel bin Bahari dan Misna binti Mornie kerana telah memberikan restu kepada saya untuk melanjutkan pelajaran sehingga dipermudah segala urusan untuk menjalankan kajian ini. Di samping itu, jutaan terima kasih juga diucapkan kepada semua pensyarah di Fakulti Pendidikan Bahasa dan Komunikasi khususnya penyelia Tesis Sarjana iaitu Profesor Madya Dr. Fatimah binti Subet dan Puan Dayang Sariah binti Abang Suhai kerana telah memberikan sepenuh kepercayaan, tunjuk ajar dan sokongan yang tidak terhingga sepanjang pengajian.

Terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, rakan-rakan seperjuangan iaitu Claudia Vica, Nor Eisyah Shabila, Nur Ainon, Ericca Eanna, Jesselyn Chin serta adik-beradik saya. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka telah menyumbangkan idea dan pendapat yang bernas bagi menjayakan penulisan tesis ini. Saya berharap kajian ini berguna kepada semua tidak kira kepada individu, masyarakat dan negara. Terima kasih.

ABSTRAK

Filem merupakan salah satu medium menyampaikan mesej melalui lakonan para pelakon. Filem- filem klasik seperti filem arahan dan lakonan P.Ramlee banyak menggunakan dialog tersirat sehingga tidak dapat diterjemahkan secara harfiah. Maka, kajian ini dijalankan untuk meneliti dialog tersirat dalam filem-filem P. Ramlee menggunakan pendekatan semantik inkuisitif daripada bidang pragmatik yang menekankan pentafsiran makna. Dua objektif kajian ini, antaranya mengenal pasti ujaran berimplisit dan seterusnya menganalisis pemikiran dan keintelektualan masyarakat Melayu dalam ujaran berimplisit filem P. Ramlee. Kajian kualitatif dan berbentuk deskriptif dan analisis kandungan ini telah menggunakan data transkripsi dialog filem P.Ramlee yang dipilih. Sebanyak 10 filem dan 20 data dianalisis iaitu dua data diwakili oleh setiap filem. Data dialog berimplisit yang dikenal pasti seterusnya dianalisis menggunakan tiga tahap analisis iaitu semantik skrip, resonans dan inkuisitif. Teori yang mendasari pencarian makna ialah teori relevans daripada Sperber dan Wilson (1986, 1995) dan dibantu oleh rangka rujuk silang daripada Kempson (1986). Hasil kajian mendapati bahawa terdapat unsur pemikiran dan akal budi masyarakat Melayu dalam dialog berimplisit yang diujarkan. Leksikal-leksikal tertentu dalam dialog berimplisit juga mempunyai alasan tersendiri untuk digunakan. Tuntasnya, penggunaan dialog berimplisit dalam filem P. Ramlee jelas mencerminkan masyarakat Melayu itu sendiri.

Kata kunci: Filem, implisit, P. Ramlee, semantik inkuisitif, teori relevans

Manifestation of Intellect, Cognitive and Philosophy in Classic Malaysian Films: A Pragmatic Analysis

ABSTRACT

Films are one of the medium used to convey messages through the acting of actors. Classic film such as film directed and acted by P. Ramlee use a lot of implicit dialogue that cannot be translated literally. Therefore, this study was conducted to examine the implicit dialogue in P. Ramlee's film using the inquisitive semantic approach from the pragmatic field that emphasizes the interpretation of meaning. The two objectives of this study are to identify implicit utterances and further analyze the thought and intellectuality of the Malay community in the implicit speech of P. Ramlee's films. This qualitative and descriptive study and content analysis utilizing transcribed dialogues from selected P. Ramlee's films. 10 films and 20 data were analyzed which is two data are represented by each film. The identified implicit dialogues were then analyzed using three stages namely script semantic, resonance semantic and inquisitive semantic. The underlying theory for meaning extraction is relevance theory by Sperber and Wilson (1986, 1995) and was aided by a Bridging Cross Reference by Kempson (1986). The study found that there are elements thought and intellect of the Malay community embedded in implicit dialogue. Certain lexical items in implicit dialogue also have their own reasons for being used. Ultimately, the use of implicit dialogue in P. Ramlee's film clearly reflects the Malay community itself.

Keywords: *Film, implicit, inquisitive semantic, P. Ramlee, relevance theory*

ISI KANDUNGAN

	Mukasurat
PERAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
<i>ABSTRACT</i>	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belalang Kajian	3
1.3 Isu dan Permasalahan	4
1.4 Tujuan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Definisi Terma Utama	7
1.6.1 Bidang Pragmatik	7
1.6.2 Bidang Semantik Inkuisitif	8
1.6.3 Akal Budi	8

1.6.4	Filem	9
1.7	Kepentingan Kajian	10
1.8	Ringkasan Bab	11
BAB 2:	SOROTAN LITERATUR	12
2.1	Pendahuluan	12
2.2	Kajian Implisit dalam Filem Klasik Melayu	12
2.3	Aspek-aspek lain kajian Filem P. Ramlee	15
2.4	Kajian Semantik Inkuisitif	20
2.4.1	Kajian Semantik Inkuisitif di Malaysia	20
2.4.2	Kajian Semantik Inkuisitif Luar Negara	28
2.5	Analisis Kritis	30
2.6	Rumusan	31
BAB 3:	METODOLOGI KAJIAN	32
3.1	Pendahuluan	32
3.2	Bidang dan Batasan Kajian	32
3.3	Reka Bentuk Kajian	34
3.4	Instrumen Kajian	35
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	35
3.5.1	Data Primer	35
3.5.2	Data Sekunder	36

3.6	Kaedah Analisis Data	36
3.7	Kerangka Teori Relevans	38
3.8	Contoh Analisis Data: Filem Ahmad Albab	42
3.8.1	Data 1: Mengenal pasti ujaran implisit dalam filem Ahmad Albab	42
3.8.3	Menganalisis pemikiran dan keintelektualan masyarakat Melayu dalam ujaran “garam dan gulalah tanda kasih sayang kamu pada abah” menggunakan pendekatan SI	45
3.9	Ringkasan Bab	52
BAB 4: ANALISIS DAN PERBINCANGAN		53
4.1	Pendahuluan	53
4.2	Filem Ali Baba Bujang Lapok (1959)	53
4.2.1	Data 1: Mengenal pasti ujaran implisit dalam Filem Ali Baba Bujang Lapok	53
4.2.2	Analisis pemikiran dan keintelektualan masyarakat Melayu dalam ujaran “Jual candu ada lesen, jual ganja ada lesen. Tetapi jual belacan tak ada lesen” menggunakan pendekatan SI.	55
4.2.3	Data 2: Mengenal pasti ujaran implisit Filem Ali Baba Bujang Lapok	63
4.2.4	Menganalisis pemikiran dan keintelektualan masyarakat Melayu dalam ujaran “sekarang kau cari tukang jahit. Untuk jahit mayat Kassim Baba” menggunakan pendekatan SI.	64
4.3	Filem Nujum Pak Belalang (1959)	70
4.3.1	Data 1: Mengenal pasti ujaran implisit Filem Nujum Pak Belalang	70

4.3.2	Menganalisis pemikiran dan keintelektualan masyarakat Melayu dalam ujaran “engkau tumbuklah arang-arang dekat dapur tu Belalang” menggunakan pendekatan SI.	71
4.3.3	Data 2: Mengenal pasti ujaran implisit Filem Nujum Pak Belalang	79
4.3.4	Menganalisis pemikiran dan keintelektualan masyarakat Melayu dalam ujaran “pandai jugak engkau bawak balik balak ke rumah ni Belalang” menggunakan pendekatan SI	81
4.4	Filem Tiga Abdul (1964)	88
4.4.1	Data 1: Mengenal pasti ujaran implisit Filem Tiga Abdul	88
4.4.2	Menganalisis pemikiran dan keintelektualan masyarakat Melayu dalam ujaran “salah tu. Yang betulnya, tiga titk” menggunakan pendekatan SI.	89
4.4.3	Data 2: Mengenal pasti ujaran implisit filem Tiga Abdul	96
4.4.4	Menganalisis pemikiran dan keintelektualan masyarakat Melayu dalam ujaran “makan tak kenyang, tidur tak basah, mandi tak lena” menggunakan pendekatan SI.	98
4.5	Filem Musang Berjanggut (1959)	103
4.5.1	Data 1: Mengenal pasti ujaran implisit Filem Musang Berjanggut	103
4.5.2	Menganalisis pemikiran dan keintelektualan masyarakat Melayu dalam ujaran “Ah, itulah, lain kali ketuk dulu” menggunakan pendekatan SI	104
4.5.3	Data 2: Mengenal pasti ujaran implisit Filem Musang Berjanggut	110
4.5.4	Menganalisis pemikiran dan keintelektualan masyarakat Melayu dalam ujaran “Tak jalan jugak jarum aku” menggunakan pendekatan SI.	112

4.6	Filem Bujang Lapok (1957)	118
4.6.1	Data 1: Mengenal pasti ujaran implisit Filem Bujang Lapok	118
4.6.2	Menganalisis pemikiran dan keintelektualan masyarakat Melayu dalam ujaran “saya sangat beruntung dapat berjumpa dengan tuan yang budiman dan tuan jugak tentu tidak jemu melihat muka saya bercendawan” menggunakan pendekatan SI.	120
4.6.3	Data 2: Mengenal pasti ujaran implisit Filem Bujang Lapok	127
4.6.4	Menganalisis pemikiran dan keintelektualan masyarakat Melayu dalam ujaran “Jika Cik Normah tidak kasih tau sama pemuda itu, Cik Normah nanti mati dapat tibi” menggunakan pendekatan SI	129
4.7	Filem Madu Tiga (1964)	135
4.7.1	Data 1: Mengenal pasti ujaran implisit Filem Madu Tiga	135
4.7.2	Menganalisis pemikiran dan keintelektualan masyarakat Melayu dalam ujaran “Di samping itu, saya mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana agaknya saya dilahirkan semasa bulan terang” menggunakan pendekatan SI	136
4.7.3	Data 2: Mengenal pasti ujaran implisit dalam Filem Madu Tiga	142
4.7.4	Menganalisis pemikiran dan keintelektualan masyarakat Melayu dalam ujaran “Awak ingat saya ni batang pisang, ya?” menggunakan pendekatan SI	144
4.8	Filem Seniman Bujang Lapok (1961)	150
4.8.1	Data 1: Mengenal pasti ujaran implisit filem Seniman Bujang Lapok	150
4.8.2	Menganalisis pemikiran dan keintelektualan masyarakat Melayu dalam ujaran “Hoi , Ramli, nak cari kerja ke nak jual minyak?”	151

4.8.3	Data 2: Mengenal pasti ujaran implisit Filem Seniman Bujang Lapok	158
4.8.4	Menganalisis pemikiran dan keintelektualan masyarakat Melayu dalam ujaran “Kalau kau tidak mahu bising-bising, kau pindahlah belakang hospital” menggunakan pendekatan SI.	159
4.9	Filem Sarjan Hassan (1958)	164
4.9.1	Data 1: Mengenal pasti ujaran implisit Filem Sarjan Hassan	164
4.9.2	Menganalisis pemikiran dan keintelektualan masyarakat Melayu dalam ujaran “Aku tahu apa isi dalam perut hati kau” menggunakan pendekatan SI	165
4.9.3	Data 2: Mengenal pasti ujaran implisit Filem Sarjan Hassan	172
4.9.4	Menganalisis pemikiran dan keintelektualan masyarakat Melayu dalam ujaran “Budak-budak ni dah muntah pun nak makan lagi” menggunakan pendekatan SI	173
4.10	Filem Nasib Do Re Mi (1966)	179
4.10.1	Data 1: Mengenal pasti ujaran implisit Filem Nasib Do Re Mi	179
4.10.2	Menganalisis pemikiran dan keintelektualan masyarakat Melayu dalam ujaran “Jadi kami tiga orang ni dah lama janda” menggunakan pendekatan SI	181
4.10.3	Data 2: Mengenal pasti ujaran implisit Filem Nasib Do Re Mi	186
4.10.4	Menganalisis pemikiran dan keintelektualan masyarakat Melayu dalam ujaran “Setahu aku, kalau rumah di tengah-tengah hutan begini mesti ada anak dara tau” menggunakan pendekatan SI	187
4.11	Filem Pendekar Bujang Lapok (1959)	193
4.11.1	Data 1: Mengenal pasti ujaran implisit Filem Pendekar Bujang Lapok	193

4.11.2	Menganalisis pemikiran dan keintelektualan masyarakat Melayu dalam ujaran “Pakcik tendang macam tikus” menggunakan pendekatan SI	195
4.11.3	Data 2: Mengenal pasti ujaran implisit Filem Pendekar Bujang Lapok	203
4.11.4	Menganalisis pemikiran dan keintelektualan masyarakat Melayu dalam ujaran “kira bulu kambing; kerjanya menunggu ayam jantan bertelur; kerja sambung ekor beruang” menggunakan pendekatan SI	204
4.12	Dapatan Keseluruhan Data	216
4.13	Ringkasan Bab	219
	BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN	220
5.1	Pendahuluan	220
5.2	Ringkasan Dapatan Kajian	220
5.3	Sumbangan dan Implikasi Kajian	221
5.4	Cadangan Kajian Akan Datang	222
5.5	Kesimpulan	223
	RUJUKAN	225
	APENDIKS	254

SENARAI JADUAL

	Mukasurat
Jadual 3.1 Senarai 16 buah filem dan jumlah tontonan di YouTube	33
Jadual 3.2 Contoh data perbualan berimplisit	42
Jadual 3.3 Gambaran kognitif bagi leksikal [garam] dan [gula]	46
Jadual 4.1 Data pertama filem Ali Baba Bujang Lapok	53
Jadual 4.2 Gambaran kognitif bagi leksikal [belacan] dan [dadah]	56
Jadual 4.3 Data kedua filem Ali Baba Bujang Lapok	63
Jadual 4.4 Gambaran kognitif bagi leksikal [jahit] dan [mayat]	65
Jadual 4.5 Data pertama filem Nujum Pak Belalang	70
Jadual 4.6 Gambaran kognitif bagi leksikal [arang]	73
Jadual 4.7 Data kedua filem Nujum Pak Belalang	79
Jadual 4.8 Gambaran kognitif bagi leksikal [balak]	82
Jadual 4.9 Data pertama filem Tiga Abdul	88
Jadual 4.10 Gambaran kognitif bagi leksikal [tiga] dan [titik]	90
Jadual 4.11 Data kedua filem Tiga Abdul	97
Jadual 4.12 Gambaran kognitif bagi leksikal [tidur] dan [mandi]	99
Jadual 4.13 Data pertama filem Musang Berjanggut	103
Jadual 4.14 Gambaran kognitif bagi leksikal [ketuk]	105
Jadual 4.15 Data kedua filem Musang Berjanggut	110
Jadual 4.16 Gambaran kognitif bagi leksikal [jarum]	113
Jadual 4.17 Data pertama filem Bujang Lapok	118
Jadual 4.18 Gambaran kognitif bagi leksikal [cendawan]	121
Jadual 4.19 Data kedua filem Bujang Lapok	128
Jadual 4.20 Gambaran kognitif bagi leksikal [tibi]	130

Jadual 4.21	Data pertama filem Madu Tiga	135
Jadual 4.22	Gambaran kognitif bagi leksikal [bulan terang]	137
Jadual 4.23	Data kedua filem Madu Tiga	142
Jadual 4.24	Gambaran kognitif bagi leksikal [batang pisang]	145
Jadual 4.25	Data pertama filem Seniman Bujang Lapok	151
Jadual 4.26	Gambaran kognitif bagi leksikal [jual] dan [minyak]	153
Jadual 4.27	Data kedua filem Seniman Bujang Lapok	159
Jadual 4.28	Gambaran kognitif bagi leksikal [belakang hospital]	160
Jadual 4.29	Data pertama filem Sarjan Hassan	164
Jadual 4.30	Gambaran kognitif bagi leksikal [perut] dan [hati]	166
Jadual 4.31	Data kedua filem Sarjan Hassan	172
Jadual 4.32	Gambaran kognitif bagi leksikal [muntah]	175
Jadual 4.33	Data pertama filem Nasib Do Re Mi	180
Jadual 4.34	Gambaran kognitif bagi leksikal [janda]	182
Jadual 4.35	Data kedua filem Nasib Do Re Mi	186
Jadual 4.36	Gambaran kognitif bagi leksikal [rumah], [hutan] dan [anak dara]	188
Jadual 4.37	Data pertama filem Pendekar Bujang Lapok	194
Jadual 4.38	Gambaran kognitif bagi leksikal [tendang] dan [tikus]	196
Jadual 4.39	Data kedua filem Pendekar Bujang Lapok	203
Jadual 4.40	Gambaran kognitif bagi leksikal [kambing], [ayam jantan], [beruang]	205

SENARAI RAJAH

	Mukasurat	
Rajah 3.1	Tiga tahap menganalisis data perbualan berimplisit	36
Rajah 3.2	RRS data perbualan berimplisit filem Ahmad Albab	47
Rajah 4.1	RRS data pertama filem Ali Baba Bujang Lapok	57
Rajah 4.2	RRS data kedua filem Ali Baba Bujang Lapok	66
Rajah 4.3	RRS data pertama filem Nujum Pak Belalang	74
Rajah 4.4	Seterika arang zaman dahulu	77
Rajah 4.5	RRS data kedua filem Nujum Pak Belalang	83
Rajah 4.6	Kesan pembalakan	86
Rajah 4.7	RRS data pertama filem Tiga Abdul	91
Rajah 4.8	RRS data kedua filem Tiga Abdul	100
Rajah 4.9	RRS data pertama filem Musang Berjanggut	106
Rajah 4.10	RRS data kedua filem Musang Berjanggut	114
Rajah 4.11	RRS data pertama filem Bujang Lapok	123
Rajah 4.12	Cendawan	125
Rajah 4.13	RRS data kedua filem Bujang Lapok	131
Rajah 4.14	RRS data pertama filem Madu Tiga	139
Rajah 4.15	RRS data kedua filem Madu Tiga	146
Rajah 4.16	Pokok pisang yang ditanam dalam filem Nujum Pak Belalang	147
Rajah 4.17	Rakit daripada batang pisang	149
Rajah 4.18	Batang pisang sebagai media tanaman	149
Rajah 4.19	RRS data pertama filem Seniman Bujang Lapok	154
Rajah 4.20	RRS data kedua filem Seniman Bujang Lapok	161
Rajah 4.21	RRS data pertama filem Sarjan Hassan	168

Rajah 4.22	RRS data kedua filem Sarjan Hassan	176
Rajah 4.23	RRS data pertama filem Nasib Do Re Mi	183
Rajah 4.24	RRS data kedua filem Nasib Do Re Mi	189
Rajah 4.25	Beranda	191
Rajah 4.26	RRS data pertama filem Pendekar Bujang Lapok	197
Rajah 4.27	RRS data kedua filem Pendekar Bujang Lapok	206
Rajah 4.28	Baju dari bulu kambing	210
Rajah 4.29	Sabung ayam jantan	213

SENARAI SINGKATAN

DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
HUS	Hospital Umum Sarawak
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
RA	Radhiallahu' Anhu
RRS	Rangka rujuk silang
SAW	Sallah Alaihi Wasallam
SI	Semantik Inkuisitif
SR	Semantik Resonans
SS	Semantik Skrip
SWT	Subhanahu Wa Ta'ala
TR	Teori Relevans

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Seni salah satu kegiatan yang menggunakan media tertentu untuk meluahkan pemikiran dan perasaan kepada seseorang sama ada dalam bentuk visual, bunyi ataupun pergerakan supaya dapat menjadi sesuatu yang bernilai (Tarsa, 2016). Karya seni pula merupakan produk yang terhasil daripada seni yang mengandungi nilai keindahan, keagamaan, misteri, sejarah, pendidikan, sosial dan nilai ekonomi untuk dipersembahkan kepada penonton (Rondhi, 2002).

Karya seni mencakupi beberapa aspek seperti seni kata, melodi, cerita, lakon layar, nyanyian, gubahan muzik serta arahan filem (Abdullah, 2016). Kajian ini meneliti karya seni filem. Filem merupakan salah satu hasil karya seni yang cukup popular sejak dahulu lagi. Filem telah dijadikan medium untuk menyampaikan mesej penting kepada masyarakat melalui lakonan dan watak serta perwatakannya. Menurut Sarji et al. (1996), filem mempunyai kepentingan dan tujuan yang tersendiri untuk ditayangkan di panggung-panggung wayang atau kaca televisyen. Perkara ini dilihat bukan sekadar meraih keuntungan semata-mata, malah untuk menyampaikan beberapa mesej penting berupa isu-isu semasa, pengajaran, nilai moral dan sebagainya untuk dijadikan panduan dan pedoman kepada masyarakat.

Pembikinan filem bermula daripada idea yang diterjemah dalam bentuk bertulis, kemudian diolah dalam bentuk dialog dan akhirnya dipersembahkan dalam bentuk visual oleh para pelakon yang berbakat besar (Sarji et al., 1996). Penggunaan para pelakon yang

berbakat besar sebenarnya memainkan peranan penting kerana mereka mampu menjiwai watak yang diberikan supaya mesej yang diketengahkan sampai kepada sasaran.

Di Malaysia, terdapat banyak filem Melayu klasik yang cukup popular dengan jalan cerita yang sangat padat dengan pengajaran, bergenre komedi, santai serta mengandungi pembelajaran secara langsung dan tidak langsung. Antara filem-filem klasik yang cukup popular ialah filem arahan dan lakonan P. Ramlee seperti filem Masam-masam manis, Enam Jahanam, Keluarga 69 dan banyak lagi. Umum mengetahui karya-karya P. Ramlee yang mampu menjadi karya malar segar, bertitik tolak daripada bakat beliau sendiri yang tiada tandingan, tidak kira dalam bidang nyanyian, lakonan, lawak dan tarian.

Tuntasnya, filem-filem P. Ramlee khususnya perlu dipelihara keasliannya kerana filem berperanan sebagai pemuliharaan warisan terpinggir dengan melahirkan daya fikir masyarakat untuk lebih penghayatan dan menghargai budaya bangsa (Razali & Abu Hassan, 2016). Mesej yang diperoleh penting untuk mendedahkan ketersiratan makna dalam filem dan secara tidak langsung mengangkat martabat bahasa Melayu yang ditonjolkan dalam filem Melayu klasik. Perkara ini menyebabkan filem-filem klasik masih lagi malar segar sehingga kini. Perkara ini terbukti apabila filem-filem arahan dan lakonan P. Ramlee masih menjadi tontonan dan rujukan sejak dahulu sehingga kini (Johari, 2015). Hal ini menjadikannya khazanah milik negara yang tidak ternilai harganya. Generasi muda hari ini perlu bersyukur dan bertuah kerana walaupun tidak pernah bersua muka dengan mereka, namun, sedar ataupun tidak kita telah membesar dengan karya-karya agung mereka (Abdullah, 2016). Perginya para pelakon yang pernah mewarnai filem-filem terdahulu tetap dikenang kerana sumbangannya yang sangat besar kepada negara khususnya dalam bidang industri (Ahmad, 2018).

1.2 Latarbelakang kajian

Filem berfungsi sebagai medium penyampaian maklumat atau mesej utama kepada orang ramai (Ghazali et al., 2018). Secara amnya, era filem Melayu telah bermula di Singapura iaitu berdasarkan penubuhan Studio Jalan Ampas dan seterusnya berkembang di Kuala Lumpur dengan penubuhan Studio Filem Merdeka. Tempoh era tersebut lebih kurang 29 tahun bermula antara tahun 1933 hingga 1962. Penghasilan serta penerbitan filem-filem pada era tersebut telah berlatarbelakangkan budaya Melayu terutamanya dari segi bahasa, watak, ruang dan perwatakan. Contohnya filem arahan dan lakonan P. Ramlee mampu menengahkan isu-isu dalam masyarakatnya sama ada kebudayaan, ketidakadilan sosial mahupun agama dan moral (Johari, 2015) berdasarkan filem-filem *Penarik Becha* (1955), *Anakku Sazali* (1956), *Seniman Bujang Lapok* (1961) dan banyak lagi. Filem Malaysia pula muncul setelah pembentukan Malaysia pada tahun 1963 yang telah mengubah istilah filem Melayu kepada filem Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut Muhd Shukri dan Abdullah (2020), filem Malaysia lebih ke arah memaparkan masyarakat berbilang kaum dan menggunakan bahasa selain bahasa Melayu iaitu Mandarin, Kantonis dan Tamil sebagai komunikasi antara para pelakonnya.

Menurut Abdul Kadir dan Hamzah (2017), kebanyakan filem terdahulu menekankan unsur berimplisit seperti penggunaan bahasa kiasan bagi mengekalkan keaslian, identiti kehalusan dan kebijaksanaan serta kesantunan budi bahasa masyarakat Melayu. Penggunaan bahasa yang berfungsi sebagai penggerak komunikasi bertujuan mengekspresikan atau mengekalkan hubungan dengan orang lain berdasarkan perkongsian perasaan, ucapan atau ungkapan sosial dan menyampaikan maklumat (Miller, 2015). Kesannya, penonton mampu mengekspresikan perasaan mereka seperti marah, sedih dan sebagainya apabila menonton

filem-filem tersebut menyebabkan filem klasik menjadi lebih menarik untuk diterokai dengan lebih mendalam.

Penggunaan unsur implisit dalam filem tidak dapat diterjemah secara harfiah sahaja dan memerlukan penelitian lebih mendalam dan terperinci. Pengkaji mengusulkan pendekatan semantik inkuisitif oleh Jalaluddin (2014) daripada bidang pragmatik untuk mengkaji ujaran berimplisit dalam filem klasik. Pengalaman, pengetahuan serta pemahaman tentang konteks yang sedang berlaku penting untuk mendapatkan makna implisit. Maka, bidang pragmatik diperlukan kerana berkait rapat dengan interpretasi ujaran yang turut menitikberatkan ilmu bukan linguistik sehingga makna menjadi sempurna.

Kajian bidang semantik belum cukup mentafsir makna secara keseluruhan dan tepat. Semantik berperanan mengkaji makna pada peringkat permukaan atau logik sahaja, berbeza dengan bidang pragmatik yang melengkapkan kajian dengan membekalkan maklumat konteks. Menurut Jalaluddin (1992), ilmu semantik dan pragmatik saling bergandingan untuk mendapatkan pentafsiran makna lebih tepat dan sahih. Pendekatan semantik inkuisitif (SI) daripada bidang pragmatik diaplikasi kerana menerapkan data, teori, kognitif dan falsafah demi mencungkil makna sampai ke akal budi Melayu. SI merupakan salah satu bidang merentas pelbagai disiplin ilmu dengan melibatkan beberapa bidang lain seperti keagamaan, sains, geografi dan sebagainya atau budaya tertentu untuk mendapatkan jawapan dihajati dan lebih konkrit (Daud, 2018a).

1.3 Isu dan permasalahan

Terdapat beberapa isu dan permasalahan yang dikenal pasti. Antaranya kita sedia maklum bahawa karya-karya P. Ramlee mengandungi akal budi dan keintelektualan yang tinggi serta bersifat masyarakat sezaman. Namun, perkara tersebut tidak difokuskan dalam

kajian-kajian sebelum ini. Justeru, kajian ini menelusuri akal budi dan keintelektualan untuk mempelbagaikan lagi kajian mengenai karya seniman agung P. Ramlee dengan menggunakan pendekatan muktahir dalam bidang bahasa dan linguistik.

Seterusnya, filem-filem P. Ramlee banyak menggunakan ujaran berimplisit yang tidak dapat ditafsir secara harfiah sahaja. Perkara ini dikhuatiri menyebabkan orang ramai akan tersalah tafsir ataupun sukar untuk memahami ujaran tersebut. Perkara ini sejajar dengan kenyataan Za'ba atau Zainal Abidin (2000) iaitu bahasa implisit kaya dengan makna tersurat dan tersirat yang memerlukan tafsiran kognitif yang tinggi. Kesukaran untuk memahami ujaran berimplisit tersebut bukan sahaja dialami oleh orientalis malah masyarakat Melayu pada hari ini juga kurang arif dengan makna tersirat yang digunakan. Perkara ini menyebabkan kegagalan untuk menghayati falsafah yang terselindung di sebalik penggunaan bahasa berimplisit tersebut. Kajian-kajian P. Ramlee bagi merungkai makna ujaran berimplisit juga masih belum dijalankan. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan kajian lepas berkaitan filem-filem P. Ramlee lebih memfokuskan aspek-aspek keagamaan, kesenian dan bahasa. Antara kajian lepas filem P. Ramlee yang mengkaji bidang keagamaan seperti kajian Kamarudin dan Bahrain (2021) yang mengkaji harta pusaka dalam filem Tiga Abdul dan meneliti kesahihan kontrak-kontrak pewarisan berdasarkan hukum Islam. Begitu juga dalam bidang kesenian seperti kajian Md. Ali (2016) yang mengkaji penyampaian aspek sinematografi dalam filem hitam putih yang berfokuskan komposisi, pencahayaan dan film stock. Manakala kajian Tahniah et al. (2017) pula melihat pronomia dalam bahasa Melayu menggunakan filem Nujum Pak Belalang dan kajian Mohammad dan Saidi (2021) melihat kepada ragam bahasa dalam filem Seniman Bujang Lapok iaitu di bawah bidang bahasa.

Seterusnya, kita sedia maklum bahawa ujaran berimplisit tidak dapat dikaji secara literal sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana filem-filem P. Ramlee banyak menggabungkan elemen-elemen seni atau faktor bukan linguistik dalam karya-karyanya sehingga mampu mempengaruhi ujaran berimplisit tersebut. Contohnya ekspresi muka, persekitaran, tarian dan sebagainya. Maka, peranan Semantik Inkuisitif (SI) daripada bidang pragmatik diperlukan untuk merungkai makna sebenar dihajati. Kita juga sedia maklum bahawa kajian semantik inkuisitif bukanlah suatu kajian yang baharu. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat ramai pengkaji lepas mengkaji menggunakan pendekatan SI sebagai tatacara menganalisis data seperti kajian peribahasa, simpulan bahasa, bahasa kiasan, lagu, cerita rakyat, motif corak dan pembelajaran. Namun, kajian SI untuk mengkaji ujaran berimplisit dalam filem P. Ramlee masih belum dijalankan. Antara kajian Antara kajian yang telah mengkaji peribahasa Melayu, Tamil dan Iban seperti kajian Daud dan Subet (2019a, 2019b, 2019c), Nopiah et al. (2017, 2018), Nopiah et al. (2018), Kasdan et al. (2016), Daud et al. (2021), Jalaluddin dan Mohamed (2018), Jalaluddin dan Zaini (2019), Kinanti dan Rachman (2019), Kasdan dan Nopiah (2021), Saimon dan Md Rashid (2022), Daud (2018a, 2018b, 2018c, 2018d), Murthy et al. (2019a, 2019b, 2019c, 2019d), Murthy dan Subet (2018, 2019, 2020), serta Jeffery dan Subet (2018). Kajian simpulan bahasa pula dapat dilihat melalui kajian Jonteng et al. (2021), Kasdan dan Jalaluddin (2015), Abang Muhi (2021), serta kajian Wan Mansor dan Jalaluddin (2016). Seterusnya, kajian lagu yang turut menggunakan pendekatan SI seperti kajian Ho dan Jalaluddin (2019) dan Ho (2020). Kajian cerita rakyat yang dijalankan seperti kajian Hedel dan Subet (2020, 2021) serta kajian Zakaria dan Jalaluddin (2015, 2016). Selain itu, kajian motif corak yang mengaplikasikan pendekatan yang sama seperti kajian Abdul Ghani dan Mohamed (2020), Hermandra et al. (2022) dan Hermandra (2022). Kajian slanga pula seperti kajian Daud dan Subet (2019),